



PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (memakai klanungan bunga) diiringi oleh Ketua Menteri, Encik Abdul Rahim Datuk Thamby Chik (kanan) sewaktu tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam bagi memulakan lawatan tiga hari ke Melaka semalam.

PM: PERPADUAN KAUM PUNCA KESEJAHTERAAN

MELAKA, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak rakyat mengekalkan semangat perpaduan yang telah dipupuk selama ini dan mengeneppikan perkara-perkara kecil untuk mencapai kesejahteraan.

Bellau sekali lagi menandakan perlunya rakyat menanamkan semangat cintakan negara di samping mengekalkan persefahaman antara kaum untuk mencapai maksud itu.

Ketika berucap di hadapan kira-kira 5,000 orang yang menyambut ketibaan bellau di Lapangan Terbang Batu Berendam, Perdana Menteri berkata, matlamat perpaduan yang masih belum memuaskan, akan dicapai sepenuhnya menerusi kerjasama rakyat.

Bersejarah

"Kerajaan akan membawa kesejahteraan kepada rakyat tanpa mengira kaum. Bagalmanapun ia memerlukan perpaduan dan persefahaman rakyat," tambahnya.

Bellau mensifatkan sambutan yang diberikan kepadanya sebagai bersejarah kerana begitu ramal rakyat tidak kira kaum dan parti hadir.

Perdana Menteri yang juga tidak ketinggalan memberikan ucap selamat

kepada ahli-ahli DAP yang mungkin berada di lapangan terbang itu berkat: "Dengan adanya Barisan Nasional, acara bersejarah yang mencerminkan perpaduan amat rapat antara semua kaum ini akan dapat dilaksanakan.

"Semangat seperti ini harus digalakkan di semua acara untuk mencapai matlamat perpaduan dan kesejahteraan negara," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Hasmah adalah dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Melaka.

Ketibaan bellau disambut oleh ribuan rakyat termasuk murid-murid di kiri-kanan jalan yang datang awal untuk menatap wajah Perdana Menteri dan isteri, yang pertama kali melawat negeri ini selepas menjadi Perdana Menteri.

Mendahului pemimpin-pemimpin serta ketua parti komponen Barisan Nasional dan orang-orang kenamaan ialah, Ketua Menteri, Encik Abdul Rahim Datuk Tamby Chik dan isteri.

Selepas bersalaman dan berbual mesra dengan rakyat, Perdana Menteri serta rombongan dibawa ke Dewan Undangan Negeri untuk menghadiri upacara pengurniaan bintang kehormatan.

Datuk Seri Dr. Mahathir dianugerahkan bintang tertinggi (Darjah Utama Negeri Melaka) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama.